

11 JUN 2002

Mahathir-Globalisasi/I

DR MAHATHIR MAHU GLOBALISASI DIRANCANG DENGAN TELITI

Oleh: Mahrus Ibrahim

GENEVA, 11 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata walaupun beliau meragui globalisasi sebagai jalan penyelesaian bagi masalah sosial dunia, beliau tidak menentanginya.

Perdana Menteri berkata ini kerana ia adalah idea yang baik selagi dirancang dengan teliti mengambil kira pendapat semua negara di dunia.

"Jika ditafsirkan dengan betul, ia boleh menjadi kaedah penting dalam membetulkan ketidakaksamaan pada masyarakat manusia," kata Perdana Menteri semasa berucap di sesi ke 90 Persidangan Antarabangsa Buruh di bangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di sini, hari ini.

Bercakap mengenai dimensi sosial globalisasi, beliau berkata ia perlu dilaksanakan dengan pelahan-pelahan dengan sebahagian besar usaha ditujukan bagi memanfaatkan negara-negara kurang maju di dunia.

Globalisasi, katanya, harus dikawalselia untuk mengelakkan monopoli, oligopoli dan eksploitasi miskin oleh yang kaya.

"Yang penting, dunia yang global bukan sahaja bagi kapitalis tetapi ia juga perlu memberikan pertimbangan saksama bagi keperluan sosial penduduk dan pekerja di negara-negara miskin," kata Dr Mahathir.

"Bukan sahaja orang ramai mesti diberi ganjaran yang adil tetapi harga diri mereka juga tidak harus diperkecilkan," katanya.

Dr Mahathir berkata globalisasi mestilah bagi semua -- kapitalis, pekerja-pekerja dan kerajaan dengan kesemua mereka mesti mendapat manfaat daripadanya.

Sebagai contoh, kata beliau, jika aliran bebas modal dibenarkan merentasi sempadan, maka aliran pekerja merentasi sempadan juga harus dibenarkan, tetapi itu tidak dapat diterima, jika begitu aliran bebas modal juga tidak boleh diterima.

"Jika aliran bebas pekerja perlu dikawalselia di seluruh dunia tanpa sempadan ini, iaitu dunia global, maka aliran modal juga perlu dikawalselia," katanya.

Perdana Menteri berkata globalisasi tidak harus terhad kepada perniagaan sahaja tetapi ia juga perlu mengambil kira kesejahteraan setiap manusia di seluruh dunia.

Dr Mahathir berkata globalisasi buat masa ini ditafsirkan dengan mudah dan eksklusif sebagai kebebasan bagi modal mengalir keluar sempadan atau memasuki semula sempadan mengikut kemahuan.

Negara-negara miskin pula diberitahu yang aliran masuk modal adalah baik untuk mereka dan akan ada pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan yang lebih banyak serta kemakmuran bagi semua.

"Tetapi mereka tidak diberitahu apa yang akan berlaku apabila modal ditarik balik..ditarik baik dengan tiba-tiba. Mereka tidak akan mengetahuinya sehingga ia berlaku, dan semasa itu sudah terlewat kerana dengan tiba-tiba mereka akan berada dalam kancang kemiskinan, penuh dengan rakyat yang tidak berperkerjaan," kata beliau.

Tetapi, aliran bebas modal dilaung-laungkan sebagai intipati penting globalisasi.

Perdana Menteri berkata pasaran bebas memang boleh mendisiplinkan kerajaan-kerajaan tetapi bukan semestinya demi kebaikan rakyat mereka.

Bagi mereka yang menguasai pasaran, keutamaan ialah keuntungan bagi diri mereka dan bukan keadilan sosial, sudah pasti mereka akan mendapat manfaat apabila pasaran mendisiplinkan kerajaan-kerajaan dengan mengetepikan kepentingan rakyat, katanya.

Dr Mahathir juga bercakap mengenai jurang pendapatan antara negara-negara, dengan beberapa buah negara sangat kaya sementara ada pula yang begitu miskin.

Satu perenam daripada penduduk dunia hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, tidak pasti sama ada akan terdapat makanan di meja mereka pada hari berikutnya. Sebilangan besar daripada mereka berpendapatan sebanyak US\$1 setiap hari.

Tetapi, terdapat pula negara-negara dengan pendapatan perkapita sebanyak US\$30,000 atau US\$82 sehari, katanya.

"Selepas semua yang saya katakan ini, saya pasti anda akan membuat kesimpulan bahawa saya anti globalisasi. Tetapi saya tidak. Globalisasi ialah idea yang baik," katanya.

Dalam ucapannya, presiden sesi ke-90 ILC, Jean Jacques Elmiger, berkata ucapan Dr Mahathir akan mempengaruhi perbincangan pada mesyuarat tiga pihak mengenai globalisasi terutamanya mengenai keadilan sosial.

Beliau berkata Perdana Menteri telah memberikan mesej hebat mengenai keberanian dan harapan serta menunjukkan kekuatan menyakinkan mengenai subjek globalisasi.

"Beliau telah bercakap mengenai perlunya rasa hormat di semua peringkat dan demi kemerdekaan individu, dan bahawa keadilan sosial mesti menjadi realiti bagi semua orang di dunia," kata Elmiger yang juga adalah Setiausaha Negara Switzerland.

Ketua Pengarah Pertubuhan Buruh Antarabangsa Juan Somavia menyifatkan Dr Mahathir sebagai satu daripada suara utama dunia di Selatan dan terkenal suka berterus terang dan mencabar konvensyen.

"Saya pernah menyaksikan beliau berucap (forum-forum antarabangsa) di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, di Davos dan di Copenhagen. Beliau sentiasa memberikan inspirasi," katanya.

Somavia berkata model globalisasi Dr Mahathir adalah sesuatu yang patut difikirkan oleh orang lain.

-- BERNAMA
MAI RHM